

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HKA 101/NSK 001 Pengantar Kesusasteraan

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM ENAM [6] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan. SATU [1] soalan daripada setiap Bahagian A, B, C dan D.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Bahasa sebagai alat komunikasi digunakan bagi berbagai lapangan kehidupan. Walau bagaimanapun, di dalam penggunaannya sebagai alat kesusasteraan, bahasa mempunyai sifat-sifat istimewa yang amat ketara.

Dengan contoh-contoh yang jelas bincangkan pernyataan di atas.

2. Sejak zaman Plato hingga zaman sekarang pemikiran mengenai kesusasteraan dapat dibahagikan kepada beberapa jenis teori.

Huraikan pemikiran dasar bagi setiap jenis teori ini.

BAHAGIAN B

3. Baca sajak 'Sungai Kelang' oleh A. Latif Mohidin dan 'Batu-Batu' oleh Muhammad Hj. Salleh, kemudian bincangkan tentang perbezaan dan persamaan persepsi kedua-dua penyair terhadap alam. Analisis penggunaan bahasa di dalam kedua-dua sajak tersebut.

.../2

4. Pilih satu [1] daripada sajak-sajak berikut (lihat lampiran), kemudian buat satu analisis yang menyeluruh mengenainya.
- [a] 'Balada Beringin Tua di Pinggir Sebuah Bandaraya' oleh Usman Awang.
  - [b] 'This Bread I Break' oleh Dylan Thomas
  - [c] 'Munajat Sufi' oleh Ibn al-Farid.

### BAHAGIAN C

5. Novel Wajah Seorang Wanita oleh S. Othman Kelantan tidak memperlihatkan banyak keistimewaan, kecuali di dalam penokohan seorang wanita Melayu yang cekal dan tabah menghadapi arus perubahan.

Bincangkan pernyataan di atas dan kemudian beri penilaian anda tentang pengolahan pengarang terhadap tokoh utama ini.

6. Mengenai watak Encik Kurtz di dalam Durjana di Hati (terjemahan) karangan Joseph Conrad, seorang watak berkata, "Dia adalah seorang yang luar biasa... pembawa belas kasihan, ilmu sains kemajuan dan entah apa lagi".

Beri analisis anda terhadap watak Encik Kurtz ini dan huraikan bagaimana pengarang mengolah watak tragis ini.

### BAHAGIAN D

7. Cerpen-cerpen 'Pohon Doum Wad Hamid' oleh Tayeb Salih dan 'Lelaki Dengan Ladangnya' oleh Yusuf Sharomi menyentuh tentang unsur-unsur alam.

Berikan perbincangan anda tentang kejayaan atau kegagalan pengarang di dalam menangani unsur-unsur alam ini di dalam konteks tema karya-karya tersebut.

8. Buat satu analisis mengenai aspek-aspek yang terpenting bagi salah satu [1] daripada cerpen-cerpen di bawah ini.

- [a] 'The Walls' oleh Vaikam Muhammad Basheer
- [b] 'Anak' oleh Azizi Hj. Abdullah
- [c] 'Pensel Sebatang' oleh Ali Majod
- [d] 'Hallucination' oleh Keris Mas.

.../3

LAMPIRAN

**SUNGAI KELANG**

ia merangkak  
dengan lidah terjulur  
di tengah kota  
dengan dada penuh nanah

(ia telah lupa bagaimana  
sungai bisa menari  
dan menyanyi  
dengan rambut terbuka  
atau menggeliat dan melambai  
di tengahari  
dengan hati terbuka  
sambil tersenyum)

O bunda sungai  
dari kota peraja  
siapakah yang meratapmu  
kalau tidak hujan  
yang membawa segala  
kotoran meringat daki  
dari hari dan matari

ia tetap merangkak  
dalam kesunyiannya  
dan menerima segala  
sisa kota dan manusia  
tapi cintanya pada bumi  
tidak mau terbagi  
walau kota ini nanti  
tiada berpenghuni  
dan di atas dadanya  
tersusun tulang tengkorak  
ia tetap merangkak  
dan merangkak

[Latiff Mohidin]

## BATU-BATU

batu-batu ini ada masyarakatnya --  
tegak atau berbaring di kakilangit  
mereka hidup dan mati  
dalam undang-undang batu.

berhenti di situ  
di suatu petang merah dan sunyi  
kurasa seperti sampai di kampung  
suatu makhluk anih --  
kehidupan mengalir  
dengan alun dan ombaknya.

ketul-ketul tegak sendiri  
megah mematahkan benang  
di antara langit dan bumi.  
waktu dengan kaki lebarnya  
berlalu di antara mereka,  
perlahan, menyerap ke dalam  
jasad dan sambungan lapisan,  
dan seperti sel-sel tumbuhan  
beranakan batu  
yang merosot ke bawah  
dan berkumpul di lubang.

yang besar di atas  
yang kecil di bawah,  
yang besar akan jadi kecil  
yang kecil akan lebih kecil.  
yang jatuh dari asas pecah,  
yang bertahan dengan hati batu,  
yang kecewa dan kecil di dalam bayang.

mereka tau temptnya,  
faham akan undang-undang wujudnya.

[Muhammad Haji Salleh]

**BALADA TERBUNUHNYA BERINGIN TUA  
DI PINGGIR SEBUAH BANDARAYA**

---

BERINGIN tua di pinggir jalan raja  
di sebuah ibu kota yang setengah muda  
ratusan tahun usianya berdiri  
menadah matari memayungi bumi  
burung-burung berterbangan menyanyi  
di sini rumah mereka, di sini keluarga bahagia  
kupu-kupu berkejaran dalam senda guranya  
anak-anak bermain di keteduhan perdunya.

Tiba-tiba pagi yang hitam itu datang  
gergasi teknologi menyerangnya  
dengan kejam membenamkan gigi-gigi besi  
sehingga terdengarlah jeritan ngeri  
suara Beringin rebah ke bumi.

Sampai sekaang, tiap senjakala lembayung petang  
dengarlah suara Beringin mengucapkan pesan:

Selamat tinggal, selamat tinggal wahai awan  
Selamat tinggal matari selamat tinggal bulan  
Selamat tinggal kupu-kupu sayang  
Selamat tinggal wahai burung-burung bersarang  
Selamat tinggal anak-anak bermain riang.

Namaku Beringin pohon tua yang terbang  
dimusuhi oleh rancangan bernama Pembangunan

1979

[Usman Awang]

**THIS BREAK I BREAK**

THIS bread I break was once the oat,  
This wine upon a foreign tree  
Plunged in its fruit;  
Man in the day or wine at night  
Laid the crops low, broke the grape's joy.

Once in this wine the summer blood  
Knocked in the flesh that decked the vine,  
Once in this bread  
The oat was merry in the wind;  
Man broke the sun, pulled the wind down.

This flesh you break, this blood you let  
Make desolation in the vein,  
Were oat and grape  
Born of the sensual root and sap;  
My wine you drink, my bread you snap.

[Dylan Thomas]

**MUNAJAT SUFI**

Kala malam  
kulihat api di desa  
kugembirakan keluargaku  
tunggulah? Agar kudapat hidayat  
semoga...  
Kuhampiri api  
itulah api al-Mukallam  
sebelumku.

Hingga pabila waktu  
hampir sedikit-sedikit  
menghimpun **syamku**  
runtuhlah gunungku  
dari kebesaran al-Matajalli  
Muncul rahsia sembunyi  
bisa diketahui  
siapa seperti diri ini.

Akulah faqir kesibukan  
simpatilah keadaan  
kelemahanku ini!

[Ibn Al-Farid]

Tempat Duduk: \_\_\_\_\_

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HMA 101 Pengantar Pengajian Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI SEMBILAN [9] SOALAN DI  
DALAM DUA PULUH [20] HALAMAN.

Jawab SEMUA soalan.

Tulis jawapan pada kertas soalan ini.

Soalan	Markah
Soalan 1	
Soalan 2	
Soalan 3	
Soalan 4	
Soalan 5	
Soalan 6	
Soalan 7	
Soalan 8	
Soalan 9	
JUMLAH:	

.../2

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

1. Berikan transkripsi fonetik bagi perkataan berikut berdasarkan sebutan bahasa Melayu baku.

[a] keistimewaan \_\_\_\_\_

[b] keraian \_\_\_\_\_

[c] penyenaiaan *penyenaian* \_\_\_\_\_

[d] tabligh *tabligh* \_\_\_\_\_

[e] menjelikan *menjelikan* \_\_\_\_\_

[f] pengkhususan *pengkhususan* \_\_\_\_\_

[g] penyelewengan *penyelewengan* \_\_\_\_\_

[h] cerpelai *cerpelai* \_\_\_\_\_

[i] kemasyarakatan *kemasyarakatan* \_\_\_\_\_

[j] menaungi *menaungi* \_\_\_\_\_

[10 markah]



Angka Giliran: \_\_\_\_\_

2. Jelas perbezaan di antara istilah-istilah berikut dan beri contoh-contoh yang sesuai.

[a] hentian dan geseran.

[b] rentetan dua vokal dan diftong.

[8 markah]

.../4

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

3. Teliti ayat di bawah ini dan jawab Soalan [a] dan [b].

Karyawan filem dan lagu di negara  
berbahasa Melayu, terutama, Malaysia perlu  
mendaulatkan bahasa itu menerusi  
penggunaan skrip dan lirik yang sesuai.

[a] Nyatakan golongan kata bagi perkataan yang bergaris.

[i] karyawan \_\_\_\_\_

[ii] perlu \_\_\_\_\_

[iii] mendaulatkan \_\_\_\_\_

[iv] menerusi \_\_\_\_\_

[v] penggunaan \_\_\_\_\_

[vi] sesuai \_\_\_\_\_

[3 markah]

[b] Beri bentuk dan makna morfem terikat bagi

[i] mendaulatkan

Bentuk: \_\_\_\_\_

Makna: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[ii] menerusi

Bentuk: \_\_\_\_\_

Makna: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

[iii] penggunaan

Bentuk: \_\_\_\_\_

Makna: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[9 markah]

4. Beri imbuhan yang sesuai bagi kata dasar berikut supaya berubah golongan katanya dan perlihatkan perubahan itu. Kemudian bina satu [1] ayat daripada setiap kata terbitan itu.

[a] aku manggala

Ayat:

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

[b] resah

Ayat:

[10 markah]

.../8

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

5. Analisis ayat-ayat di bawah ini dari aspek kegramatisannya.

- [a] Apa yang perlu diambil perhatian adalah kefahaman anda terhadap tajuk yang dibincangkan.
- [b] Jawab semua soalan-soalan di bawah ini.
- [c] Adalah dimaklumkan bahawa esok ialah hari cuti umum.
- [d] Mereka berasal (daripada) Kampung Seronok.
- [e] Saya tidak dapat menahan kesedihan (bila) mendengar berita tentang kemalangan itu.

[10 markah]

.../9

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

6. Jelas secara ringkas konsep-konsep di bawah ini dan sertakan contoh-contoh yang sesuai bagi setiap konsep tersebut.

- [a] polisim
- [b] hiponim
- [c] sinonim
- [d] makna denotasi
- [e] medan makna

[15 markah]

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

7. Buat satu tinjauan tentang pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan negara di Malaysia selepas merdeka.

[10 markah]

.../15

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

8. Menurut J. Lyons (terjemahan:1992:41)

"Linguistik biasanya didefinisikan sebagai sains bahasa atau sebagai suatu kajian bahasa yang saintifik".

[a] Apakah yang anda fahami dengan pernyataan itu?

[b] Nyata bidang-bidang linguistik dan hurai setiap bidang itu.

[13 markah]

.../17



Angka Giliran: \_\_\_\_\_

9. Pilih empat [4] daripada istilah berikut dan dengan contoh-contoh yang sesuai, jelaskan maksudnya.

- [a] lingua-franca
- [b] bahasa standard
- [c] bahasa pasar
- [d] dialek
- [e] slanga

[12 markah]

.../19